

**KELICAP MERAH**  
Scarlet Sunbird

FAMILI: Nectariniidae  
NAMA SAINTIFIK: *Aethopyga temminckii*

**CIRI-CIRI:** Burung ini hampir sama dengan Kelicap Sepah Raja (*A.siparaja*) tetapi bahagian tepi kepala, belakang kepala, tekak, bahagian atas sayap, dada dan ekor adalah berwarna merah terang. Warna di bahagian tongkeng adalah kuning manakala warna di bahagian perut adalah agak kekelabuan. Bagi burung betina, bahagian atas badan berwarna hijau buah zaitun kekuningan dan berwarna kemerah-merahan di bahagian sayap dan ekor. Anggaran saiz bagi burung ini adalah 10 hingga 12.5 mm.

**MAKANAN:** Ia menggemari nektar, serangga, labah-labah, dan lain-lain lagi.

**HABITAT:** Spesies burung ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, hutan gunung, pinggiran hutan dan hutan sekunder. Ianya boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,525 m dari aras laut.

**BUNYI:** Burung ini mengeluarkan bunyi satu nada; *tit-it-tit-it...*

**PEMBIAKAN:** Musim membiak bagi burung ini adalah dari bulan Februari hingga Mac pada setiap tahun. Bagi burung betina, ianya menghasilkan 3 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan warna telur adalah putih krim.

**STATUS:** Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.